



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 6 DISEMBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	MALAYSIA TAMBAH EKSPORT NANAS KE CHINA, UMUM, SUARA KEADILAN -26 ISU BAJA: MENTERI PH BERTELINGKAH, UTARA, HAKAKAH -N18 SIM TZE TZIN: SWINE FLU NATION BANNED FOR IMPORTS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A37	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4. 5. 6. 7.	ALIEN PREDATOR FISH DEVOURING INCOME OF FISHERMEN, NATION, THE STAR -3 ALIEN PREDATOR FISHES TAKE TOLL ON TIMAH TASOH FISHERMEN, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -14 ALGA BERACUN DIKESAN DI PERAIRAN KUALA PENYU, NEWS, BERITA HARIAN (SABAH AND SARAWAK) -2 ALGA BERACUN DIKESAN DI KUALA PENYU, SETEMPAT, HARIAN METRO -24	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	HIGHER FISH PRICES DUE TO NORTHEAST MONSOON, NATION, THE STAR -8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	ROS, MANGGA DIRAMPAS, SINAR NEGERI KEDAH/P.PINANG, SINAR HARIAN -33	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
10. 11. 12.	KELANTAN PENGELUAR UTAMA BENIH KERAPU, NEGERI, HAKAKAH -N15 HPPNK DAPAT SAMBUTAN, WAJAH-WAJAH, HARIAN METRO -50 EWON TERUS KOMITED BANTU BANGUNKAN INDUSTRI LADA, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
{UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA}

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2019	SUARA KEADILAN	UMUM	26

# Malaysia tambah eksport nanas ke China

CHINA menjadi pasaran antarabangsa baru Malaysia untuk pelbagai nanas premium, MD2, berikutan kejayaan durian menembusi negara itu pada Mei lepas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin (**gambar**) yakin kementerianannya dapat mencapai eksport sebanyak RM350 juta tahun ini berbanding RM343 juta pada 2018.

"Industri nanas negara dijangka mempunyai kadar pertumbuhan tahunan sebanyak lima peratus setahun berdasarkan trend yang semakin meningkat dan penerimaan terhadap nanas Malaysia.

"Pengeluaran nanas kebangsaan pada 2019 dijangka ber-

nilai RM530 juta berbanding RM502 juta pada 2018," katanya selepas melancarkan penerbangan sewa khas Malaysia yang pertama untuk membawa nanas dari Malaysia ke Zhengzhou, China, di Sepang pada 26 November lalu.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malaysia Airports Holdings Bhd, Raja Azmi Raja Nazuddin dan Duta Khas Malaysia ke China, Tan Kok Wai.

Sim berkata produk nanas Malaysia menembusi 20 negara, dengan negara-negara pengimport utama termasuk dari Singa-

pura, Jepun, Hong Kong, China, Timur Tengah dan Eropah.

Beliau berkata pada masa ini terdapat kira-kira 16,500 hektar ladang nanas, dan 2,500 hektar ditanam dengan pelbagai MD2.

Beliau berkata penerbangan sewa khas berjadual ke Zhengzhou akan

meningkatkan dan mengukuhkan hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan China.

Sementara itu, Sim berkata selepas durian dan nanas, kementerianannya merancang untuk mengeksport nangka, cempedak, belimbing dan rambutan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2019	HARAKAH	UTARA	N18

# Isu baja: Menteri PH bertelingkah

Oleh SARINA ISMAIL

**SIK:** Sikap berdolak-dalih pemimpin Pakatan Harapan (PH) mengenai isu bekalan baja subsidi menyusahkan golongan petani di Kedah dan Perlis.

Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah, Muhammad Sanusi Md Noor berkata, pemimpin kerajaan PH sering menuding jari antara sama lain.

"Ia ibarat permainan bola sepak, yang menyepak bola ke sana-sini dan akhirnya keluar terus daripada padang," katanya di sini.

Menurut beliau sebanyak 1,890,000 beg baja belum dihantar kepada petani walaupun lebih 40 hari benih ditabur di sawah.

Katanya hanya 20,000 beg saja diterima Persatuan Peladang Kawasan (PPK) di kawasan MADA, tidak sampai 10 peratus daripada keperluan 68,000 petani.

Kata beliau baja terbabit seperti diimport dari luar negara kerana memerlukan masa lama untuk dihantar petani kepada pesawah.

"Isunya sekarang kontrak membekal baja kepada NAFAS tamat pada November 2019 namun kontrak baru belum dimuktamadkan.

"Difahamkan pula NAFAS memerlukan dokumen kelulusan kontrak perbeka-



Muhammad Sanusi Md Nor



Salahuddin Ayub

lan untuk memohon kewangan daripada institusi bank.

"Setelah ada sumber kewangan barulah kilang baja NAFAS boleh membuat pesanan bahan-bahan yang diperlukan untuk diproses menjadi baja.

"Risikonya semakin lambat surat kelulusan kepada NAFAS, semakin lambat kilang baja boleh membekalkan baja," ujarnya.

Beliau berkata, berdasar perkembangan itu nampaknya baja sukar diagih kepada petani tahun ini.

Katanya juga kecelaruan dapat dilihat apabila Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Dato' Seri Salahuddin Ayub dilaporkan mem-

beritahu keputusan muktamad berada di tangan Kement-

rian Kewangan.

Sedangkan Timbalan Menteri Kewangan Dato' Amiruddin Hamzah pula mendakwa kementerianya sudah melulus peruntukan.

"Jadi tak salah kalau saya kata ia seperti bola telah ditendang keluar, hilang dari padang permainan. Pengadil dan penonton terpinga-pinga," kata beliau.



Petani tetap meneruskan usaha menanam padi biarpun belum mendapat baja subsidi.

Headline	Sim Tze Tzin: Swine flu nation banned for imports		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	06 Dec 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A37	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	150 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,754
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,262



吉隆坡5日讯 | 农业及农基工业部副部长沈志勤接受《东方日报》询问时指出，任何在近期内涉及非洲猪瘟的国家地区，出产含猪肉的商品，一概禁止进口大马，其中包括中国大陆、香港以及越南等地区；惟其它未有涉及猪肉的腊味，如腊鸭、腊鸡等则会放行。

## 沈志勤：猪瘟国家一概禁进口

被问及往年农历新年，商家都会从中国进口猪肉制腊味，禁令是否影响腊味市场的供应时。沈志勤则说，本地也有生产猪肉制腊味，相信能应付佳节对于腊味的需求。

他说，未涉及猪肉的腊味，如腊鸭、腊鸡等则会放行。

他再三劝请我国子民或是前来我国探亲的民众，切勿以伴手礼或是任何形式，从他国带入猪肉商品，否则不仅会被海关人员

当场拦截以及充公商品，同时还会面临罚款。

他强调，非洲猪瘟一旦入侵我国，所带来的祸害一发不可收拾，故政府将会严厉看待，也促请民众以大局为重。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2019	THE STAR	NATION	3

## Alien predator fish devouring income of fishermen

**PADANG BESAR:** The presence of an alien predator fish, the "Peacock Bass" or raja ikan, that has a high spawning rate and is menacing the Timah Tasoh Dam here is a cause for concern for freshwater fishermen as their catch has been declining.

Nelayan Timah Tasoh chairman Azhar Abd Aziz said the Peacock Bass causes the native species to decline because it feeds on them.

"The fish, which originates from South America, breeds rapidly and also has a voracious appetite for fry and local species.

"This threatens the breeding survival of native fish like talapia, baung and lampan which are the main source of our income," he said recently.

Azhar, 31, however, is thankful to the State Fisheries Department for its concern and efforts in encouraging anglers to catch raja ikan in a bid to reduce its population while preserving the local species.

He appealed to the public not to release any alien fish into the rivers or lakes as it would adversely impact the ecosystem and livelihood of the fishermen.

There are 60 fishermen who are dependent on the native fish in the dam apart from making ikan pekasam (fish pickle) as part of their income.

Perlis Fisheries Department director Ismail Ibrahim said regular monitoring had been conducted to curb the public from releasing alien fish into the dam as they pleased.

"Other efforts include encouraging anglers to come and fish here as well as putting up signs that prohibit the release of alien fish at the Timah Tasoh Dam freshwater fish sanctuary," he said. — Bernama

Headline	Alien predator fishes take toll on Timah Tasoh fishermen		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	06 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	14	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	195 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,659
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,977



## Alien predator fishes take toll on Timah Tasoh fishermen

**PADANG BESAR:** The presence of an alien predator fish, the 'Peacock Bass' or Raja Ikan, that has high spawning rate and menacing the Timah Tasoh dam here is a cause of concern for freshwater fishermen as their fish landing have been declining.

Nelayan Timah Tasoh chairman Azhar Abd Aziz said the presence of the alien fish had caused the native species to decline because it feeds on the native fishes.

"The fish, which originated from South America, breeds rapidly and also has a vicious eating habit of feeding on small fry and local species which then threaten the breeding survival of native fishes like Talapia, Baung and Lampan which are the main source of our income," he told Bernama recently.

Azhar, 31, is thankful to the State Fisheries Department for their concern for this issue by encouraging anglers to fish the Ikan Raja to reduce its population while preserving the local species.

He wished members of the public to never release any alien fish into the rivers or lakes as it would affect the survival of the native fish species as well as the fishermen's source of income.

There are 60 fishermen who are dependent on the native fishes in the dam apart from making ikan pekasam (fish pickle) for livelihood.

Meanwhile, Perlis Fisheries Department director Ismail Ibrahim said the department prohibits any individual from releasing any kind of fish into the dam to prevent disturbance to the population of the native species.

He said regular monitoring has been done to ensure that the public would not release alien fish into the dam as they pleased.

"Some of our efforts are by encouraging anglers to come and fish here as well as putting up signs that prohibit the release of alien fishes at the freshwater fish sanctuary of Timah Tasoh Dam," he said. — Bernama



Peacock fish or Raja Ikan.

Headline	Alga beracun dikesan di perairan Kuala Penyu		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	06 Dec 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	246
Page No	2	Readership	738
Language	Malay	ArticleSize	310 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fardy Bungga	AdValue	RM 5,326
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,977



# Alga beracun dikesan di perairan Kuala Penyu

Kejadian dikenal pasti Jabatan Perikanan melalui analisis kerang, air laut

Oleh Fardy Bungga  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Alga beracun dikesan di perairan Kuala Penyu dengan bacaan sel dinoflagellate Pyrodinium bahamense tinggi dalam air laut dan toksin paralytic shellfish poisoning (PSP) melebihi paras bahaya.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong, berkata kejadian itu dikenal pasti berdasarkan keputusan analisa kerang-kerangan dan air laut oleh Jabatan Perikanan negeri.

Beliau berkata, berdasarkan sampel dalus (*Meretrix* sp) dari Purum Pasir, Kuala Penyu menunjukkan paras toksin PSP sehingga 414 µg Poison/100g meat.

"Keputusan sampel air laut dari kawasan Jeti Penguatkuasaan Perikanan, Muara Sungai Periuk dan Pancang Merah, Kuala Penyu, masing-masing menunjuk-

kan bacaan sel Pyrodinium bahamense setinggi 18,440 sel/liter; 15,660 sel/liter dan 10,500 sel/liter.

"Paras bahaya toksin PSP pula dikesan sebanyak 80 µg Poison/100g meat, manakala paras bahaya bagi sel Pyrodinium bahamense dalam air laut adalah 7,000 sel/liter," katanya dalam kenyataan, di sini.

Junz berkata, Sel Pyrodinium bahamense tidak membunuh kerang-kerangan atau ikan, tetapi ia menghasilkan toksin PSP dalam kerang-kerangan.

Katanya, toksin PSP tidak mempunyai warna, bau, rasa dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan ia tidak dapat dihilangkan dengan memasak atau menyimpan dalam peti sejuk beku.

"Semua jenis kerang-kerangan seperti dalus, tiram dan remis tidak selamat ketika ini, namun semua jenis ikan, udang, ketam dan sotong selamat dimakan," katanya.

Sementara itu, Junz berkata, mangsa keracunan toksin PSP pada peringkat awal akan mengalami gejala berdenyut di bahagian bibir dan lidah dalam tempoh 30 minit pertama.

Mangsa juga akan berasa seperti 'dicucuk jarum' pada bahagian kulit serta berasa mual.



**Sel Pyrodinium bahamense tidak membunuh kerang-kerangan atau ikan, tetapi ia hasilkan toksin PSP dalam kerang-kerangan.**

**Junz Wong,**  
Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah

"Bagi kes teruk, mangsa akan kehilangan kawalan tangan dan kaki serta mengalami kesukaran bernafas.

"Dalam kes serius, risiko maut boleh berlaku dalam tempoh dua hingga 24 jam kerana sistem pernafasan lumpuh dan jantung tidak berfungsi," katanya.

Headline	Alga beracun dikesan di Kuala Penyu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	24	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	93 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,664
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,991



## RINGKAS

### Alga beracun dikesan di Kuala Penyu

**Kota Kinabalu:** Kehadiran alga beracun dengan bacaan sel Dinoflagellate Pyrodinium Bahamense tinggi dalam air laut dan toksin Paralytic Shellfish Poisoning (PSP) melebihi paras bahaya dikesan di perairan Kuala Penyu di sini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah Datuk Junz Wong berkata, kejadian itu dikenal pasti berdasarkan keputusan analisis kerang-kerangan dan air laut oleh Jabatan Perikanan Sabah.

Katanya, berdasarkan sampel dalus (*Meretrix* sp) dari Purun Pasir, Kuala Penyu menunjukkan paras toksin PSP setinggi 414 µg poison/100g meat.

"Manakala keputusan sampel air laut di kawasan Jeti Penguatkuasaan Perikanan, Muara Sungai Periuik dan Pancang Merah, Kuala Penyu pula masing-masing menunjukkan bacaan sel Pyrodinium Bahamense setinggi 18,440 sel/liter, 15,560 sel/liter dan 10,500 sel/liter.

"Paras bahaya toksin PSP pula dikesan sebanyak 80 µg poison/100g meat, manakala paras bahaya bagi sel Pyrodinium Bahamense dalam air laut adalah 7,000 sel/liter," katanya dalam kenyataan dikeluarkan, di sini, kelmarin.

Junz berkata, sel Pyrodinium Bahamense tidak membunuh kerang-kerangan atau ikan, tetapi ia menghasilkan toksin PSP dalam kerang-kerangan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2019	THE STAR	NATION	8

# Higher fish prices due to northeast monsoon

By REMAR NORDIN  
 remar.nordin@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The northeast monsoon has started to take a toll on the prices of fish.

Fish markets in Mersing and Batu Pahat have reported a decline in their haul with only a handful of larger boats going out to sea.

According to Batu Pahat fishermen association manager Ilyana Aris, the current price for ikan pelaling had gone up to RM13 per kilo compared to the usual RM10.

"The supply of ikan pelaling usually comes from the northern part of the peninsula, which is currently the most affected area by the northeast monsoon.

"Only a few boats dare go up north until Kedah to find fish, while the rest are mostly small-boat fishermen," she said.

As a temporary measure, Ilyana said fishermen started selling Q'Fish products - frozen fresh fish under the Q'Fish brand that was

introduced by the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM).

However, the public still prefers fresh fish due to the perception of usage of chemicals on frozen fish.

"It's the first thing that comes to the minds of people when they hear frozen fish. In reality, the fish is just frozen normally inside a freezer with no added preservatives," she said when contacted recently.

Meanwhile, Mersing fishermen association general manager Mohd Fazlan Abdullah revealed that the fish supply in the area had generally dropped since the monsoon season started.

"This is a normal situation each time during the monsoon season. The supply would drop and the price would increase generally about RM2 per kilo.

"The normal price for ikan cencaru is about RM7 per kilo, while ikan kembung is RM14 per kilo," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KEDAH/ P.PINANG	SS

# Ros, mangga dirampas

**Maqis Kedah tahan dua lori dari negara jiran di ICQS Bukit Kayu Hitam**

ROSHILA MURNI ROSLI

BUKIT KAYU HITAM

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah menahan dua lori yang membawa muatan bunga ros dan buah mangga dari negara jiran kerana tidak mempunyai dokumen yang sah di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam malam Selasa lalu.

Pengarah Maqis Ke-



Anggota Maqis memeriksa muatan yang dibawa kedua-dua lori berkenaan di ICQS Bukit Kayu Hitam pada Selasa lalu.

dah, P Lily Rosalind berkata, hasil pemeriksaan pada jam 11 malam itu mendapati dua lori berkenaan membawa muatan bunga ros sebanyak 57.6 kilogram (kg) dengan nilai RM576 dan 500kg buah mangga

bernilai RM600 tanpa permit import yang dikeluarkan oleh Jabatan Maqis dan sijil fitosanitasi dari negara asal.

Menurutnya, kesemua bunga ros dan buah mangga tersebut dirampas dan

akan dilupuskan mengikut prosedur operasi piawai yang telah ditetapkan.

"Maqis memandang serius kegiatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit yang sah dan ia menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika disabit kesalahan, pesalah boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama dan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

# Kelantan pengeluar utama benih kerapu

Oleh MUHAMMAD ANIF ISMAIL

**KOTA BHARU:** Kelantan merupakan antara negeri yang menjadi penyumbang utama benih ikan kerapu dan siakap di negara ini.

Selain itu ikan air masin itu juga diternak di Terengganu bagi memenuhi pasaran di negeri-negeri pantai barat.

Di Kelantan ternakan ikan kerapu dan siakap diusahakan dalam sangkar di Laguna Pantai Sri Tujoh Tumpat.

Manakala pembenihan ikan kerapu hybrid pula di Pulau Kundur dan siakap di Pulau Gajah dekat sini. Pembenihan ikan itu diusahakan syarikat Ain Aquaculture Sdn Bhd.

Pengurusnya Nik Muhammad Firdhaus Nik Deud, 36, berkata, Ain Aquaculture menjalin kerjasama dengan Pusat Teknologi Pembenihan Akuakultur Marin di Tanjung Demong Besut bagi pembenihan ikan air masin.

Katanya, operasi syarikat itu bermula 2009 menjalankan aktiviti pembenihan ikan air masin termasuk siakap dan kerapu.

"Pada peringkat permulaan kita mula dengan kerapu harimau dan sekarang dikumpu pembenihan kerapu hybrid kerana permintaan serta harga lebih tinggi," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Syarikat itu dimiliki Datu Wan Aniff Wan Hamzah memiliki 40 ekor siakap induk bagi tujuan pembenihan. Benih ikan akan dipindah ke kolam tanah selama kira-kira 16 hari sebelum dimasukkan dalam sangkar.



Nik Muhammad Firdhaus Nik Deud.

Kemudian dipindah dan diusah makan pelet dalam tangki fiber.

"Kita ternak ikan dalam tangki pelbagai saiz termasuk 100 tan, 50 tan, 10 tan, manakala bagi tangki berkapasiti 500 liter dan 300 liter bagi saiz kecil.

"Kapasiti yang kita gunakan bergantung kepada saiz, bila bertambah saiz ikan kita kurangkan jumlahnya. Bagi kerapu hybrid saiz tujuh inci kita masuk 1,500 hingga 1,800 ekor dalam tangki besar," katanya.

Menurutnya juga apabila saiz ikan mencecah empat hingga tujuh inci ia sudah sedia untuk dijual hidup kepada penternak ikan dalam sangkar di seluruh negara.

Kata beliau syarikatnya juga menyediakan kof lima tan yang lengkap dengan peralatan bagi menghantar benih ikan tersebut ke destinasi luar Kelantan.

Menurutnya sebanyak 30,000 ikan siakap dan 8,000 kerapu diangkut dengan lori tersebut kepada pelanggan di luar Kelantan.

"Kita hantar ke negeri-negeri di Pantai Barat. Benih ikan itu kemudian dimasukkan dalam sangkar di negeri-negeri tersebut."



Sangkar dan apabila matang dijual ke pasaran luar," katanya.

## Pelabuhan

Nik Muhammad Firdhaus juga berkata, industri ternakan ikan kerapu dan siakap mampu dieksport ke luar negara dari Kelantan sekiranya terdapat pelabuhan.

Kata beliau kemudahan infrastruktur seperti pelabuhan dan tempat pengumpulan hasil membolehkan ikan dihantar terus ke luar negara.

"Sekarang tidak ada tempat yang boleh dijadikan pusat pengumpulan hasil ternakan ikan atau pelabuhan. Kalau ada pelabuhan kapal boleh terus berlabuh di sini, Kelantan ada potensi," ujarnya.

Bagaimanapun reskurnutnya masalah penternakan ikan siakap dan kerapu di sini perlu diperhatikan

musim tengkujuh.

"Kita tidak boleh buat sangkar skala besar seperti di Pantai Barat," katanya.

Difahamkan penternak ikan dalam sangkar di Johor, Kedah dan Selangor menghantar ikan kerapu dan siakap ke pasaran antarabangsa termasuk China dan Hong Kong.

Sangkar bagi memelihara ikan kerapu dan siakap.



Kolam besar daripada fiber mampu memuatkan lebih banyak anak ikan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2019	HARIAN METRO	WAJAH-WAJAH	50

**ORANG ramai** menyaksikan demonstrasi memperingati ulang tahun ke-100 MADA Pelancongan MADA Permatang dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) di Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru, baru-baru ini.



# HPPNK dapat sambutan



**KELUMBUHAN** pokok yang dihiasi buah-buahan tempatan mendapat perhatian pengunjung.

FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM



**ADAM Shakirin** Mohd Fuad, 13, (kanan) dan adiknya, Muhd Azim Hafji, 10, menunjukkan sebahagian replika permainan yang diperbuat daripada barangan terbuang.

Headline	Ewon terus komited bantu bangunkan Industri lada		
MediaTitle	Utusan Borneo Online ( <a href="http://www.utusanborneo.com.my/">http://www.utusanborneo.com.my/</a> )		
Date	06 Dec 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journallst	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

## Ewon terus komited bantu bangunkan Industri lada

KOTA BELUD: Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah Datuk Ewon Benedick menyatakan komitmen untuk terus membantu membangunkan industri lada hitam di Sabah, khususnya di daerah Kota Belud. Beliau juga akan meneruskan sokongan dan bantuan kepada para pekebun...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)